

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**

TARIKH :

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk melibatkan penyertaan banyak syarikat bertaraf Bumiputera di dalam pembangunan di lima wilayah koridor ekonomi yang dilaksanakan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak dari penubuhannya, TERAJU telah berjaya mencipta nilai, peluang perniagaan, pembiayaan dan pembangunan modal insan bernilai lebih daripada RM48 bilion secara keseluruhan kepada usahawan Bumiputera.

Dua program utama TERAJU yang diperkenalkan pada tahun 2011 adalah program TERAS (Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi) dan Dana Mudahcara. Setakat ini, TERAJU telah memperakukan sebanyak 908 syarikat TERAS di seluruh Malaysia dan pecahan mengikut wilayah koridor ekonomi adalah seperti berikut:

- i. Pihak Berkuasa Pelaksanaan Wilayah Ekonomi Koridor Utara @ NCIA (64 syarikat);
- ii. Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur @ ECER (85 syarikat);
- iii. Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar @ IRDA (76 syarikat),
- iv. Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah @ SEDIA (40 syarikat);

- v. Kerajaan Negeri Sarawak & Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi Wilayah Sarawak @ RECODA (73 syarikat); dan
- vi. Wilayah Tengah (570 syarikat).

Pada masa yang sama, TERAJU turut telah meluluskan 246 projek yang berjumlah RM956.9 juta di bawah program Dana Mudahcara yang dijangka menghasilkan pelaburan swasta sebanyak RM8.05 bilion dan berikut merupakan pecahan projek-projek yang telah mendapat kelulusan mengikut wilayah koridor ekonomi :

- i. NCIA sebanyak 37 projek;
- ii. ECER sebanyak 48 projek;
- iii. IRDA sebanyak 38 projek;
- iv. SEDIA sebanyak 29 projek;
- v. Kerajaan Negeri Sarawak & Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi Wilayah Sarawak @ RECODA sebanyak 40 projek; dan
- vi. Wilayah Tengah sebanyak 54 projek.

Sementara itu, Dana TERAS, hasil kerjasama TERAJU dengan institusi-institusi kewangan (SME Bank, RHB Islamic, MIDF dan Maybank Islamic) telah meluluskan sebanyak RM897.65 juta kemudahan pinjaman kepada usahawan-usahawan di bawah program syarikat TERAS.

TERAJU akan terus memperbanyakkan program-program di setiap wilayah koridor ekonomi dari masa ke semasa bagi memastikan penglibatan usahawan Bumiputera di dalam sektor ekonomi negara terlaksana secara sekata. Sebagai contoh, program pembiayaan ladang

satelit lembu yang diwujudkan dengan kerjasama JCorp telah berjaya melahirkan 10 usahawan perniagaan tani Bumiputera yang berjaya dan telah menyediakan dana bernilai RM7.78 juta untuk pembangunan usahawan perniagaan tani Bumiputera.. Pada masa yang sama, inisiatif terbaru yang diwujudkan di Koridor Utara (NCIA) adalah program *Shared Value Concept (SVC)* yang mana ia memberi peluang kepada pengusaha atau usahawan Bumiputera terlibat secara langsung dalam aktiviti rantaian pembekalan (*supply chain*).

Sekian, terima kasih.